

TARIKH : 8 JANUARI 2023  
AKHBAR : HARIAN METRO  
MUKA SURAT : 16

**OPR naik 2 kali lagi!**

# OPR NAIK 2 KALI LAGI!

*Sehingga capai kadar 3.25% semula tahun ini*

Oleh Amir Abd Hamid  
amir\_hamid@mediapri-  
ma.com.my



## Kuala Lumpur

**B**ank Negara Malaysia (BNM) dijangka menaikkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) dua kali lagi sehingga mencapai kadar 3.25 peratus semula untuk tahun ini.

Pakar ekonomi, Prof Emeritus Dr Barjoyai Bardai berkata, secara kebiasaan BNM sentiasa akan cuba meletakkan OPR pada kadar antara tiga hingga 3.5 peratus.

Menurutnya, kadar OPR ketika ini berada pada 2.75 peratus dan dijangka dinaikkan sekurang-kurangnya dua kali lagi pada tahun ini.

Katanya, ini berikutan kadar OPR berada pada 3.25 peratus sebelum kemelesetan ekonomi berlaku pada prapandemik pada 2019.

"BNM sentiasa akan cuba meletakkan OPR pada kadar antara tiga hingga 3.5 peratus. Itu dia punya *rule of*

*Bukanlah matlamat OPR atau BNM bersekongkol dengan bank untuk memaksimumkan untung bank"*

**Dr Barjoyai**

*thumb* (panduan), BNM akan letak di situ. Tetapi OPR akan diturunkan apabila BNM melihat bahawa aliran wang di dalam pasaran lembab, tak cukup.

"BNM menurunkan kadar dengan matlamat semua pengguna keluarkan duit daripada bank dan balik ke dalam pasaran. Apabila wang dalam pasaran banyak, permintaan berkesan bertambah maka kadar pertumbuhan akan meningkat.

"... dan apabila ia sudah terlampau panas pula kerana terlalu banyak wang tunai dalam pasaran, BNM naikkan kadar semula un-

tuk mengutip balik atau menyapu bersih kecairan supaya kecairan berkurang dalam pasaran," katanya.

Pada tahun lalu, bank pusat sudah menaikkan OPR empat kali berturut-turut sejak kali pertama pada 11 Mei 2022.

Ditanya tanggapan umum bahawa OPR hanya menguntungkan bank berbanding kesengsaraan rakyat, Barjoyai berkata, tanggapan demikian terdapat kebenarannya.

Katanya, ini disebabkan apabila OPR dinaikkan, bank akan mendapat faedah kerana mengenakan kadar lebih, tinggi sekali gus akan menambahkan keuntungannya.

"Bagaimanapun, itu bukanlah matlamat OPR atau BNM bersekongkol dengan bank untuk memaksimumkan untung bank.

"Sebaliknya, tujuannya hanyalah untuk menyelaraskan *volume* tunai dalam pasaran dengan manfaat atau kesannya kepada rakyat adalah lebih berjangka panjang," katanya.